

Newspaper	Berita Harian
Date	11 March 2016

Kastam bidas dakwaan Dr Mahathir isu GST

Putrajaya: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) membidas dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang mengatakan ada syarikat di negara ini terpaksa memindahkan operasi ke luar negara berikutan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman/GST), JKDM, Datuk T Subromaniam, berkata dakwaan itu tidak dibuat berasaskan fakta kerana mengikut rekod, semakin banyak syarikat berdaftar untuk melaksanakan cukai itu.

"Ketika ini, lebih 406.000 syarikat yang mendaftar untuk melaksanakan GST dan ini adalah satu jumlah yang amat memberangsangkan.

Kelirukan rakyat

"Justeru, saya minta mana-mana pihak supaya tidak membuat kenyataan seperti ini dengan sewenang-wenangnya kerana ia hanya akan mengelirukan rakyat. Bila mahu membuat kenyataan, biarlah berhati-hati dan berdasarkan fakta.

"Kita (Kastam) pun terkejut mendengar dakwaan (Dr Mahathir) ini kerana berdasarkan

BH- 11/3/2016
maklum balas, syarikat menyambut baik pelaksanaan cukai ini, jumlah syarikat mendaftar juga semakin meningkat setiap hari," katanya ketika dihubungi BH semalam.

Sebelum ini, Dr Mahathir mendakwa, terdapat syarikat di negara ini yang terpaksa menghentikan operasi dan berpindah ke luar negara berikutan pelaksanaan GST. Kerajaan melaksanakan GST bermula 1 April tahun lalu pada kadar enam peratus, bagi menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Subromaniam berkata, ka-

dar GST di negara lain lebih tinggi berbanding di Malaysia dan kerajaan sudah mengambil kira pelbagai aspek sebelum melaksanakannya.

Beliau berkata, pungutan GST mengatasi sasaran RM27 bilion yang ditetapkan oleh kerajaan bagi 2015.

"Bagi tahun ini, jabatan diberikan tugas mengumpul RM39 bilion daripada GST dan kami yakin dapat mencapai sasaran itu," katanya.

○ Tiada syor kaji semula GST - MUKA 12